



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

1 OKTOBER 2024 (SELASA)

UM, DVS Jalankan Penyelidikan Pembiakan Haiwan Ternakan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Siswa	Online	1 Okt



UM dan DVS memeterai MoU kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi pembiakan haiwan ternakan untuk tempoh selama 10 tahun.

SERDANG- Universiti Malaya (UM) menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi pembiakan haiwan ternakan untuk tempoh selama 10 tahun iaitu dari tahun 2024 hingga 2034, baru-baru ini.

Memorandum ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah bagi kolaborasi pertukaran kepakaran dan teknologi dalam bidang teknologi pembiakan berbantu dan

bidang genetik yang mana DVS berhasrat untuk melaksanakan program kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan teknologi pembiakan haiwan ternakan sebagai strategi untuk meningkatkan kadar pengeluaran ternakan bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Universiti Malaya melalui Pusat Penyelidikan Bioteknologi Glami Lemi (PPBGL) di Jelebu, Negeri Sembilan akan menyumbang kepakaran melalui tenaga

akademik dan penyelidiknya dalam bidang genetik bagi membantu insitusi penyelidikan veterinar negara manakala UM akan menerima kemahiran, akses teknologi dan pengalaman DVS dalam penggunaan teknologi pembiakan haiwan ternakan khususnya ruminan kecil.

Persetujuan kerjasama ini adalah lanjutan daripada lawatan UM ke Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan (IBVK) di Jerantut, Pahang dan lawatan IBVK ke PPBGL pada tahun 2022.

Jalinan kerjasama strategik antara UM dan DVS akan membolehkan kedua-dua belah pihak melaksanakan program penyelidikan dalam bidang pembiakan ternakan yang terancang bagi mengeksplorasi bahan genetik dan meningkatkan kualiti genetik ternakan berpotensi komersil.

Skop program penyelidikan merangkumi aspek bioteknologi, teknologi pembiakan ternakan dan kajian molekular.

Kerjasama erat yang berterusan antara UM dengan DVS akan membolehkan program konservasi ternakan ruminan dibangunkan dengan lebih tersusun dan terancang bagi

menghasilkan impak yang positif kepada industri ruminan dan sekuriti makanan negara.

UM dan DVS juga akan mempunyai akses yang sama terhadap kerjasama di pusat penyelidikan UM dan DVS seluruh Malaysia yang melibatkan pembangunan teknologi haiwan ternakan. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

CDA A.I. Welcomed A Delegation From The Department Of Veterinary Services (DVS) And TDV

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Ministry of Foreign Affairs	News	Online	30 Sept

On 30 September 2024, CDA a.i. welcomed a delegation from the Department of Veterinary Services (DVS) of the Ministry of Agriculture and Food Security Malaysia, along with Mr. Brian McKay of TDV Global Inc.

The Malaysian delegation, led by YBrs. Dr. Rohaya Mohd Ali, Division Director of Veterinary Public Health Malaysia, is undertaking a significant study visit on antimicrobial usage and resistance (AMU/AMR) in livestock from 30 September to 5 October 2024.





TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR